

LAPORAN NAIB CANSOLOR



Sebagai universiti muda yang berhasrat menjadi institusi akademik dan penyelidikan yang bertaraf dunia, Universiti Malaysia Perlis atau ringkasnya UniMAP (dulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia atau KUKUM) perlu berfikir dan bertindak secepat mungkin untuk menyaingi universiti-universiti lain dalam semua aspek yang berkaitan. Keperluan modal insan dan sumber manusia diteliti secara terperinci supaya menepati tuntutan dan keperluan semasa. Usaha memperkasakan aspek akademik dan penyelidikan dilaksanakan secara berterusan supaya kuantiti dan kualiti program akademik dan hasil penyelidikan memenuhi kehendak pemegang taruh. Aspek urus tadbir dipantau secara teliti. Proses kerja sentiasa dikemaskinikan supaya keefisienan dan keberkesanan organisasi dapat ditambahbaiki. Darjah kepuasan mahasiswa sebagai pelanggan langsung sentiasa diberi keutamaan. Dan, pengurusan kewangan dibuat secara berhemah mengikut peruntukan bajet yang secara nisbinya terlalu sederhana berbanding dengan aktiviti yang dilaksanakan.

Meskipun perlu berhadapan dengan semua cabaran, yang umumnya pernah dihadapi oleh universiti yang bertaraf *world class*, namun seluruh warga kerja UniMAP menganggap bahawa tahun 2006 merupakan tahun yang amat mengujakan. Selain daripada menambahbaiki dan mempermantiap jukuk-jukuk urusan yang bersifat strategik dan operasional, UniMAP dalam tahun ini dengan rasa bangga dan terharunya berjaya melahirkan siswazah sulungnya yang terdiri daripada 107 orang siswazah Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (48 orang siswazah Kejuruteraan Komputer dan 59 orang mahasiswa Kejuruteraan Mikroelektronik) dan empat orang siswazah Ijazah Sarjana Sains pada 22 Julai 2006. Di samping itu, Istiadat Konvokesyen Pertama UniMAP turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains kepada Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Haji Musa bin Mohamad.

Kejayaan melahirkan siswazah sulung ini menjadi bertambah mengembirakan apabila sebanyak 76 orang (71.02%) daripada siswazah ijazah pertama IPTA yang ke-17 ini berjaya mendapatkan pekerjaan dalam bidang kejuruteraan di syarikat-syarikat setempat termasuk yang bertaraf multinasional, 12 orang (11.21%) melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana dan doktor falsafah di universiti dalam dan luar negara, tujuh orang (6.54%) bekerja dalam bidang yang tidak berkaitan dengan kejuruteraan, tiga orang (2.80%) memilih untuk bekerja sendiri, dan sembilan orang (8.41%) belum mendapat tawaran pekerjaan sehingga 31 Disember 2006.

Dalam masa yang sama dua program akademik iaitu Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Mikroelektronik) dan Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Komputer) mendapat akreditasi penuh (lima tahun, mulai 2006 hingga 2010) daripada Engineering Accreditation Council (EAC). Dua buah pusat pengajian kejuruteraan baru iaitu Pusat Pengajian

LAPORAN NAIB CANSOLOR

Kejuruteraan Bioproses (satu-satunya yang wujud di dalam negara) yang menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Bioproses), dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar yang menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Alam Sekitar) berjaya ditubuhkan. Selain itu, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik turut menawarkan satu program baru iaitu Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan). Dengan pertambahan ini, kini UniMAP mempunyai lapan buah pusat pengajian kejuruteraan yang menawarkan 15 program, dan sebuah pusat kemahiran iaitu Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan yang menawarkan kursus-kursus sokongan kejuruteraan.

Selain itu, dalam kesibukan mengurus hal-ehwal akademik peringkat ijazah pertama dan pascasiswazah yang semakin berkembang, UniMAP turut menggembleng ketumbukan tenaga akademik mudanya untuk menawarkan program peringkat diploma. Program diploma kejuruteraan yang ditawarkan mulai tahun ini terdiri daripada:

- » Diploma Kejuruteraan Mikroelektronik
- » Diploma Kejuruteraan Komputer
- » Diploma Kejuruteraan Mekanik
- » Diploma Kejuruteraan Elektrik
- » Diploma Kejuruteraan Pembuatan
- » Diploma Kejuruteraan Metalurgi

Dengan kekuatan program-program akademik yang ditawarkan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan, dalam sidang akademik 2006/2007, UniMAP berupaya menampung sejumlah 283 orang mahasiswa sulung program diploma dan 756 orang mahasiswa ijazah sarjana muda tambahan, selain daripada 31 orang penuntut Ijazah Sarjana Sains (48.38% daripada mereka ialah lelaki) dan 25 orang penuntut Ijazah Doktor Falsafah (72% daripada mereka ialah lelaki) dalam pelbagai disiplin kejuruteraan. Secara keseluruhannya, dalam tahun 2006 UniMAP mempunyai 283 orang mahasiswa diploma (67.13% daripada mereka ialah lelaki), 2,577 orang mahasiswa ijazah sarjana muda (60.22% daripada mereka ialah lelaki) dan 56 orang penuntut pascasiswazah.

Semua kejayaan yang dicapai berupaya menjadi realiti kerana UniMAP memiliki sumber manusia yang energetik dan produktif meskipun dalam jumlah yang secara nisbinya kecil. Sehingga 31 Disember 2006, UniMAP mendapat peruntukan jawatan tambahan sebanyak 143 jawatan; 65 daripadanya ialah jawatan akademik, sementara 78 jawatan bukan akademik. Pertambahan ini menjadikan jumlah keseluruhan kakitangan UniMAP sebanyak 545 orang (94.4% terisi daripada 577 jawatan yang diluluskan). Daripada segi komposisi, tiga orang (0.60%) daripadanya tergolong dalam kategori pengurusan tertinggi, 255 orang (46.80%) kakitangan akademik, 88 orang (16.10%) kakitangan bukan akademik dan 199 orang (36.50%) kakitangan sokongan. Untuk memastikan modal insan tenaga penggerak UniMAP

sentiasa ditambah nilai, sebanyak 41 orang felo dihantarkan ke beberapa buah universiti di dalam dan di luar negara untuk menyambungkan pengajian di peringkat sarjana dan kedoktoran di bawah Skim Latihan Tenaga Pengajar Akademik (SLTPA) dan lapan orang di bawah Skim Pengajian Lanjutan Kakitangan Akademik (SPLKA). Sebanyak 97 orang kakitangan bukan akademik dan sokongan mengikuti proses Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) mengikut gred masing-masing, dan 17 orang pensyarah gred DS45 menghadiri PTK 3 akademik. Selain itu, beberapa banyak bengkel amali seperti bengkel kaedah penyelidikan, penulisan modul, penulisan ilmiah, dan pelbagai kursus dianjurkan secara dalaman untuk kakitangan daripada pelbagai kategori, di samping puluhan kakitangan diberi peluang menghadiri pelbagai kursus dan seminar yang dianjurkan oleh agensi luar, misalnya Seminar Pemantapan Pengurusan Akademik IPT, Kursus e-Perolehan dan Seminar Pengurusan Kewangan Sektor Awam.

Demi melicinkan lagi jentera pentadbirannya penstrukturan semula organisasi secara kecil-kecilan dilakukan. Penstrukturan semula ini melibatkan penubuhan Pusat Hal-ehwal Antarabangsa, yang sebelum ini merupakan suatu cabang di bawah kendalian Dekan Pengurusan Akademik dan Pengantarabangsaan. Pusat ini ditubuhkan khusus untuk membantu melebarluaskan jaringan Universiti di peringkat antarabangsa dalam aspek-aspek akademik, penyelidikan dan hal-ehwal kakitangan yang melanjutkan pengajian di luar negara dan siswazah antarabangsa yang belajar di UniMAP. Selain itu, beberapa unit baru diwujudkan iaitu Unit Pembangunan Korporat, Unit Multimedia dan Unit Perundangan. Seterusnya, pada 2 Julai 2006 klinik kesihatan UniMAP mula beroperasi di Kolej Kediaman Kg. Wai supaya dapat memberikan perkhidmatan kesihatan awal yang segera kepada para mahasiswa dan kakitangan. Dan, apabila Kolej Kediaman baru yang dinamai Kolej Kediaman Tan Sri Aishah Ghani (yang dapat menampung sebanyak 799 orang mahasiswa) dibangunkan di Wang Ulu untuk menampung bilangan mahasiswa yang semakin bertambah, klinik kesihatan tambahan turut disediakan di kolej kediaman itu. Sehubungan dengan itu, dengan terbangunnya Kolej Kediaman Tan Sri Aishah Ghani, kini UniMAP mempunyai tujuh kolej kediaman yang berupaya menampung sebanyak 2,871 orang mahasiswa.

Meskipun jumlah staf akademik UniMAP kebanyakannya masih muda, namun mereka tetap berupaya menunjukkan bakat yang besar dalam bidang penyelidikan. Dalam tahun 2006, untuk memperhebat aktiviti penyelidikan UniMAP membuat suatu langkah proaktif dengan mengadakan Ekspo Penyelidikan UniMAP yang menyediakan ruang kepada para penyelidik muda khususnya untuk menguji produk-produk penyelidikan mereka. Dalam ekspo ini sebanyak 34 orang penyelidik terlibat dengan mempamer 50 hasil penyelidikan mereka. Setelah hasil-hasil penyelidikan ini dinilai oleh beberapa orang penilai yang amat berpengalaman dari beberapa buah universiti setempat, barulah produk-produk penyelidikan yang berjaya dalam saringan awal ini diangkat ke pertandingan dan ekspo peringkat nasional dan antarabangsa. Hasilnya, dalam Pameran International Invention, Innovation,

LAPORAN NAIB CANSOLOR

Industrial Design and Technology Exhibition (ITEX) 2006 yang disertai oleh beberapa negara, universiti muda ini berjaya merangkul 16 pingat (1 emas, 6 perak dan 9 gangsa). Dalam Pameran Geneva 34th International Exhibition of Inventions, New Techniques and Products, kombinasi penyelidik-penyelidik muda dan berpengalaman UniMAP berjaya membawa pulang sebutir pingat emas dan dua butir pingat perak daripada empat penyertaan yang dihantarkan bertanding.

Selain daripada usaha mengetengahkan jenama UniMAP ke persada antarabangsa melalui penyertaan dalam pameran-pameran penyelidikan peringkat antarabangsa, pemimpin-pemimpin utama universiti bersepakat untuk meneruskan tradisi mengadakan kerjasama dengan universiti-universiti di seluruh dunia sama ada di timur ataupun di barat. Dalam tahun ini sahaja sebanyak 11 memorandum persefahaman yang mencakupi kerjasama pertukaran kakitangan dan mahasiswa serta akademik dan penyelidikan telah ditandatangani. Universiti-universiti yang terlibat dalam penandatanganan memorandum persefahaman ini ialah Technical University College Network of Malaysia (TUCN, Malaysia); Faculty of Engineering, Yamanashi University, Japan; Universitas Trisakti dan Institut Pertanian Bogor, Indonesia; Universitat Politecnica de Catalunya dan Universidad Politecnica de Madrid, Sepanyol; Technological Education Institute of Piraeus dan Technological Education Institute of Athens, Greece; University of New South Wales, Australia; HTW Aalen University, Germany dan Prince of Songkhla University, Thailand.

Hubungan UniMAP dengan industri turut mendapat perhatian serius daripada pengurusan. Hal ini demikian kerana kerjasama industri diperlukan bukan sahaja untuk mensecocokkan kurikulum program pengajian dengan realiti keperluan dunia pekerjaan dalam industri yang berkaitan, tetapi turut melibatkan program penempatan mahasiswa dalam Latihan Industri (InTra) dan yang paling utama ialah aspek penempatan pekerjaan bagi mahasiswa yang bakal bergraduasi. Setakat ini, Pusat Kerjasama Industri yang diberi tanggungjawab melaksana tugas mewujudkan hubungan yang tegar dan baik dengan industri telah berjaya mewujudkan hubungan dengan lebih daripada 319 industri supaya matlamat-matlamat hubungan yang disebut dapat dicapai.

Dalam kesibukan dengan urusan-urusan operasional, sejajar dengan perancangan yang ditetapkan, pembangunan fizikal kampus tetap UniMAP di Ulu Pauh, Perlis turut rancak menjejari jadual pembinaan. Mengikuti Program Pelaksanaan Projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) pembangunan kampus tetap ini dibahagikan kepada empat pakej yang terdiri daripada Pakej 1 Fasa 1A1 (urusan pengambilan tanah dan kerja-kerja tanah), Pakej 2 Fasa 1A1 (pembinaan PPK Mekatronik, PPK Pembuatan dan pembelian peralatan makmal dan bengkel), Pakej 3 (pembinaan PPK Bahan, perpustakaan, Pusat Islam/masjid, Jabatan Pembangunan, Jabatan Hal-ehwal Pelajar, kompleks dewan kuliah, dewan serbaguna dan kemudahan sukan), Pakej 4 (pembinaan PPK Mikroelektronik, Pusat Kejuruteraan, Kompleks

Cansolori, Jabatan Bendahari dan Jabatan Pendaftar). Peruntukan siling yang diluluskan bagi keseluruhan pembangunan bernilai RM339,405,200. Sehingga 31 Disember 2006 urusan pengambilan tanah dan kerja-kerja tanah pakej 1 yang menerima peruntukan sebanyak RM28,351,094 berjaya diselesaikan 100%.

Di sebalik semua urusan utama yang dipikul dengan prihatin secara strategik, UniMAP tidak ketinggalan menempah nama dalam beberapa pertandingan yang dianjurkan oleh pelbagai agensi awam, swasta dan persatuan. Dalam Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti yang ke-31 di Universiti Putra Malaysia, kontinjen UniMAP membawa pulang tiga pingat emas (bolasepak, lompat jauh (L) dan 400 meter (L)), satu pingat perak bagi acara 1,500 meter (veteran), dan dua pingat gangsa (bola tampar (L) dan 4x400 meter (L)). Tahun 2006 merupakan tahun bergaya bagi pasukan bolasepak UniMAP yang keluar sebagai juara Piala Merdeka dan Piala Sumbangsih Merdeka. Jabatan Perpustakaan berjaya meraih Anugerah Inovasi kerana menganjurkan Pertandingan Scopus: Best Practices Award anjuran Elsevier Science Asia Pacific. Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan pula memenangi tempat ketiga Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 2006 anjuran Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan melalui Kumpulan Inovatif dan Kreatif dinobatkan sebagai pasukan ketiga terbaik dalam Konvensyen KIK Peringkat IPTA ke-3 anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia. Dan, pasukan UniMAP tersenarai sebagai pengeluar idea terbaik apabila memenangi Anugerah Idea Terbaik dalam Pertandingan ROBOCON 2006 Peringkat Kebangsaan.

Akhir kata, saya dengan rasa rendah diri berasa amat bahagia menerajui UniMAP yang bermula dengan selebaran kertas cadangan sehingga menjadi universiti yang berdaya maju seiringan dengan universiti-universiti lain yang mempunyai sejarah yang lebih panjang. Saya bersyukur dan berbangga mempunyai pegawai-pegawai pengurusan tertinggi yang dedikasi dan kreatif, puluhan dekan dan ketua jabatan yang responsif dan bertanggungjawab, dan ratusan kakitangan yang komited pada tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka. Tidak syak lagi pada tahun-tahun mendatang UniMAP berupaya berdaya saing di persada antarabangsa dengan lebih bergaya.



Kol. Profesor Dato' Dr. Kamarudin Hussin
Naib Cansolor
Universiti Malaysia Perlis

VICE CHANCELLOR'S REPORT



As a young university that aspires to become a world-class academic and research institution, Universiti Malaysia Perlis or its acronym UniMAP (formerly known as the Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia or KUKUM) needs to be able to think and act fast to compete with other universities in all related fields. Human capital and human-power needs are studied thoroughly in order to fulfill current and future needs and demands. Efforts to bolster academic and research aspects are carried out continuously so that the quantity and quality of academic programmes and research products meet the expectations of the shareholders. Management aspects are minutely monitored. Work process is always up-dated so that organisational efficiency and efficacy can be upgraded. As main clients, our students' level of satisfaction is always given prominence. And, financial management is done discreetly in accordance to budgets allocated, which are proportionately very moderate compared to the number of activities carried out.

Even though confronted with many challenges, almost everyone at UniMAP considered 2006 an exciting year. Apart from upgrading and strengthening chapters of management which are strategic and organisational in nature, on July 22 of that year, UniMAP proudly and solemnly managed to produce her maiden graduates comprising 107 who graduated with a Bachelor of Engineering degree (48 with Bachelor of Computer Engineering and 59 with Bachelor of Microelectronics Engineering) and 4 Master of Science degree. In addition, during the first convocation ceremony, Tan Sri Dato' Haji Musa bin Mohamad was conferred the Honorary Doctor of Science degree.

UniMAP's first batch of graduates are doing very well, as evidenced by the fact that 76 of the graduates (71.02%) are now working at engineering-based companies including in multinational companies; 12 (11.21%) are furthering their studies at local universities and abroad (for Master and PhD levels); seven (6.54%) are working at industries that are not engineering-based, and three (2.80%) have decided to work on their own. Only nine (8.41%) are still unemployed (as of 31 December 2006).

Two academic programmes, namely Microelectronic Engineering and Computer Engineering have obtained full accreditation status from the Engineering Accreditation Council (EAC). The status is valid for 5 years starting 2006 until 2010. At the same time, two new schools were established, namely the School of Bioprocess Engineering (offering Bachelor of Engineering (Bioprocess Engineering)), and School of Environment Engineering (offering Bachelor of Engineering (Environmental Engineering)). Meanwhile, the School of

VICE CHANCELLOR'S REPORT

Mechatronic started to offer a new programme that of Bachelor of Engineering (Biomedical Electronic Engineering). With the addition of the new schools and programmes, UniMAP now has eight schools that offer a total of 15 degree programmes. In addition, it also has a centre for teaching support courses -- that is, the Centre for Communication Skills and Entrepreneurship.

Starting this year too, UniMAP offer programmes at the Diploma level. The programmes are:

- » Diploma in Microelectronic Engineering
- » Diploma in Computer Engineering
- » Diploma in Mechatronic Engineering
- » Diploma in Electronic Engineering
- » Diploma in Manufacturing Engineering
- » Diploma in Metallurgical Engineering

With the strength of academic programmes offered, and the facilities that have been provided, the 2006/2007 academic sessions have been successful, with its first intake of 283 diploma students, 756 undergraduate students, 31 masters students and 25 PhD students. To sum up, in 2006, UniMAP's enrolment comprised of 283 diploma students, 2577 degree students and 56 postgraduate students.

Although small in number, the UniMAP workforce is very energetic and productive. Until 31st December 2006, UniMAP has been given 143 extra postings, 65 of them are academic posts, and 78 non-academic posts. Hence, the total number of staff has increased to 545, of which three are from the top management, 255 (46.80%) are academic staff, 88 (16.10%) non-academic staff, and 199 (36.50%) are support staff.

The University's way of thinking, when it comes to human resource development, has always been that of helping to realise the country's ambitious goal to develop human capital with 'first class mentality'. This is contained and reflected in UniMAP's mission. Many strategic plans have been devised to this end, with vigorous implementation in the next few years or so. The Government's call for a 60% lecturers with PhDs by the year 2010, and 75% by the year 2015 is not taken lightly. A group of 41 fellows have been sent to further their studies in Masters and PhD levels locally and abroad under the SLTPA scheme, whilst another eight have been sent under the SPLKA programme. In addition, about 97 non-academic staffs and 17 lecturers (DS 45) had sat for their PTK (Penilaian Tahap Kecekapan) examinations. At the going rate, it may be almost impossible to attain this goal; hence a total change in paradigm in the way this is approached is needed. A series of discussions and workshops such as the academic writing workshops, research methodology workshops and many more have been systematically organized. If the adage that says, "a

good process inevitably leads to good results" is true, then UniMAP is now assiduously charting its grand milestones in the years to come.

A slight restructuring in the organisation has been carried out to increase the efficiency of the administration. The restructuring brings forth the formation of the Centre for International Affairs which is under the management of the Dean of Academic Affairs and Internationalisation. The formation of the Centre is to amplify the University's international network in the area of academic, research, and staff who are studying abroad, as well as international students studying in UniMAP. In addition, several other new units are also being set up, namely the Corporate Development Unit, Multimedia Unit and the Legal Unit. Another new unit, which is The Kampung Wai UniMAP Residential College Health Clinic, was set up on the 2nd of July 2006 to provide early treatment and prompt medical services to the students and staff. Another progress is the development of the new UniMAP seventh residential college - the Tan Sri Aishah Ghani Residential College, which can accommodate 2 871 students.

The research and development growth has been impressive despite the fact that many of UniMAP's academic staff are young academicians. In 2006, with the intention to move forward in the research arena, UniMAP organised a Research Expo to provide room for the young researchers to test the research products. 34 researchers were involved in exhibiting 50 research works. The products of the researches were assessed by experienced evaluators from other local universities. Upon this initial evaluation, the chosen researches proceeded to join competitions and expo at national and international levels. This brought forth success in the *International Invention, Innovation, Industrial Design and Technology Exhibition (ITEX) 2006*. ITEX 2006 attracted participants from many universities and countries, and yet UniMAP's young researchers had been successful in obtaining 16 medals, namely one gold, six silver and nine bronze. In the *34th Geneva International Exhibition of Inventions, New Techniques and Products*, UniMAP submitted four entries and succeeded in bringing home one gold medal and two silver medals.

Beside the efforts to promote UniMAP's brand name in the international arena via participation in international research exhibitions, the top officials of the University continued with the tradition of establishing collaboration with other universities and organisations around the globe. In this year alone, as many as 11 MOUs covering staff and student exchanges, and academic and research collaborations had been signed. Some of the organizations/universities involved included the Technical University College Network of Malaysia (TUCN, Malaysia); Faculty of Engineering, Yamanashi University, Japan; Universitas Trisakti, Institut Pertanian, Indonesia; Universitat Politecnica de

VICE CHANCELLOR'S REPORT

Catalunya and Universidad Politecnica de Madris, Spain; Technological Education Institute of Piraeus and Technological Education Institute of Athens, Greece; University of New South Wales, Australia; HTW Aalen University, Germany and Prince of Songkhla University, Thailand.


UniMAP's relationship with the industry continued to receive serious attention from the University. Collaboration with the industry is needed not only for aligning the academic curriculum with the needs of the industry but also for securing places for student industrial training and eventually the employment of UniMAP graduates. The Centre for Industrial Collaboration has been given the responsibility to establish strong industrial linkage with the industry. The centre has now successfully established linkages with more than 319 industrial organisations.

Amidst the routine operation of the University, the physical development of the permanent UniMAP campus at Ulu Pauh, Perlis was given due attention. The construction progressed quite closely to the planned schedule. The implementation of projects under the 9th Malaysian Plan divided the development of the permanent campus into four packages: Package 1 Phase 1A1 (acquisition of land and earthwork), Package 2 Phase 1A1 (construction of the School of Mechatronic Engineering and the School of Manufacturing Engineering, and the purchase of lab and workshop equipment), Package 3 (the construction of the School of Materials Engineering, the library, Islam Centre, a mosque, the Department of Development, the Department of Students Affairs, lecture halls, a multipurpose hall and a sport facility), and Package 4 (the construction of the School of Microelectronic Engineering, the Engineering Centre, the Chancellery, the Bursary and the Registry). The maximum allocation approved for the development was RM 339, 405, 200. As of 31 December 2006, the land acquisition and earthwork which received an allocation of RM 28, 352,094 was 100% completed.

Another success story of the University is that of attending and co-organising numerous competitions. As an example, in the recent 31st Open Sports for Staff Among Universities at University Putra Malaysia, UniMAP's contingent earned three gold medals (football, long jump (M) and 400 meters (M)), a silver medal (1 500 veteran) and two bronze medals (volley ball (M), and 4 X400 meters). In addition, UniMAP emerged as champion for the 'Merdeka' Cup and the 'Sumbangsih Merdeka' Cup. The UniMAP Library Department also shone in the year 2006 as it won the Innovation Award for organising the Scopus Tournament: Best Practices award which was sponsored by the Elsevier Science Asia Pacific. In addition, the Security and Employee Welfare Department managed to stand out by getting 3rd place in the National Level Excellence Security and Employee Welfare Award 2006 which was organised by Majlis Negara. In the academic

arena, the School of Materials Engineering won third place in the IPTA level KIK Convocation organised by UKM. Last but not least, UniMAP was listed as one of the best idea givers in the Best Idea Award, in the National Level ROBOCON Tournament 2006.

All in all, I would like to humbly express my gratitude for being given the opportunity to lead UniMAP and watch it take its place in line with other prominent universities. I am very grateful and proud for having dedicated and diligent officials, deans, and heads of departments, and hundreds of committed and responsive staff who support me. For the years coming, I am certain that UniMAP would be able to compete internationally and come out as a winner.



Professor Dato' Dr. Kamarudin Hussin
Vice Chancellor
Universiti Malaysia Perlis